

23 OCT 1998

BELANJAWAN-NPL/I

DANAHARTA KINI HANYA PERLUKAN JUMLAH YANG KURANG BAGI OPERASI

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Pengurusan Danaharta Nasional Bhd, syarikat pengurusan aset yang ditubuhkan untuk membeli pinjaman tidak berbayar sistem perbankan kini hanya memerlukan RM15 bilion berbanding cadangan RM25 bilion bagi operasinya berikutan kedudukan mudah tunai yang lebih baik dan kadar faedah yang lebih rendah.

Ketika mengumumkan perkara ini di sini, hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengkelasan semula NPL daripada tiga kepada enam bulan akan mengurangkan pertumbuhan NPL.

Danaharta dijangka akan mengambil alih NPL berjumlah sehingga RM8 bilion daripada 21 institusi kewangan menjelang akhir-1998, katanya.

Beliau berkata, di samping itu Danaharta juga bersetuju menguruskan NPL Sime Bank Bhd dengan nilai kasar sebanyak RM6 bilion.

"Danaharta dijangka mengambil alih NPL lebih awal daripada yang dijangkakan semasa penubuhannya," kata Dr Mahathir ketika membentangkan Belanjawan 1999.

Beralih kepada Danamodal Nasional Bhd, jentera khas yang akan menyuntik modal ke dalam bank-bank yang bermasalah, beliau berkata daripada sejumlah RM16 bilion yang diperlukannya, Bank Negara akan menyediakan RM3 bilion sebagai "modal permulaan".

Salomon Smith Barney, yang dilantik sebagai penasihat kewangan kepada kerajaan akan menasihatkan mengenai pengurusan Danamodal dan menentukan daya maju sesuatu usaha pemulihan dengan berasaskan kepada kajian terperinci.

Mengenai Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) yang dibentuk untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia yang berdaya maju daripada menjadi muflis akibat krisis kewangan, beliau berkata 23 syarikat dengan jumlah hutang terkumpul sebanyak RM5.5 bilion telah memohon bantuan daripada jawatankuasa itu.

Meskipun dengan kehadiran Danaharta, Danamodal dan CDRC, Dr Mahathir berkata apa yang lebih penting, institusi perbankan mestilah lebih efisien, telus dan berintegriti.

Bank Negara akan mengawasi dengan rapat sistem perbankan dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas pengurusan bank yang cuai.

Beliau juga berkata terdapat beberapa pemulihan dalam aktiviti ekonomi dengan rizab pertukaran asing meningkat daripada AS\$20.2 bilion pada akhir Ogos 1998 kepada AS\$22.99 bilion seperti pada 22 Okt, 1998.

Di samping itu, imbalan perdagangan bagi lapan bulan pertama 1998 menunjukkan lebihan sebanyak RM32 bilion, manakala jualan kereta penumpang meningkat daripada 5,641 unit pada Februari kepada 12,338 unit pada Sept 1998.

-- BERNAMA

MR ZK MA